

04 DEC 2002

KLIA TRANSIT SEDIA PERKHIDMATAN TAMBAHAN PADA JUMAAT

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Ekpress Rail Link Sdn Bhd (ERL) akan menyediakan perkhidmatan KLIA Transit tambahan ke stesen Putrajaya dan Cyberjaya sempena rumah terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Hari Raya pertama, Jumaat ini.

Ketua pegawai eksekutif ERL Dr Aminuddin Adnan berkata perkhidmatan KLIA Transit akan beroperasi dari KL Sentral bermula pukul 5.33 pagi sehingga 7.03 petang dengan kekerapan masa setengah jam dan setiap satu jam selepas 7.03 petang.

KLIA Transit turut menawarkan tambang khas pergi-balik ke Putrajaya-Cyberjaya pada harga RM10 bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak untuk penumpang yang menaiki tren dari KL Sentral atau KLIA dan RM7 (dewasa) dan RM3 (kanak-kanak) bagi penumpang dari stesen transit Bandar Tasik Selatan, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, pengguna perkhidmatan ini juga boleh menikmati perkhidmatan bas pengantara percuma, Nadi Putra, ke Seri Perdana dari stesen KLIA transit Putrajaya-Cyberjaya.

-- BERNAMA
ZZA AFY LAT